

GEOTAPAK MATA AIR PANAS AYER HANGAT

Ayer Hangat Hot Spring Geosite

Geotapak ini terletak di Ayer Hangat di bahagian utara Langkawi. Mata air panas ini wujud disebabkan oleh kehadiran Sesar Kisap (patahan pada batuan). Mata air panas terhasil apabila air laut yang masuk ke dalam rongga batu kapur dan rekahan pada batuan mengalami pemanasan secara hidrotermal (haba daripada badan granit beberapa km di bawah permukaan bumi). Air masin yang tersimpan dalam rongga dan rekahan itu dipanaskan, kemudian bergerak ke atas melalui sesar dan muncul sebagai mata air panas. Mata air panas air laut jarang dijumpai di dunia. Suhu air panas di sini ialah 38-40°C dengan aliran air yang perlahan (kurang daripada satu m³/min).

Mengikut mitos, air di sini panas kerana tertumpah, dalam pertengkaran antara dua gergasi yang menggegar Bumi semasa majlis perkahwinan anak mereka. Ramai orang percaya bahawa mata air panas boleh membantu melancarkan aliran darah, menyembuh penyakit kulit, melegakan sakit sendi dan badan. Tapak ini telah dibangunkan sebagai kompleks moden rekreasi mata air panas dengan suasana perkampungan tradisi Melayu.

This site is located at Ayer Hangat in the northern part of Langkawi. Hot springs occur here due to the Kisap Fault (a cut in the rock). Hot springs are produced when seawater that enters into limestone cavities and fractures in the rock undergoes hydrothermal heating (heat from a granite body some km below the surface of the earth). This hot saltwater that collects in the cavities and fractures is heated, moves upwards through the fault, and appears as a hot spring. Seawater hot springs are rarely found in the world. The hot water temperature here is 38-40°C with slow water flow (less than one m³/min).

According to a myth, the water here is hot because it was spilt, in an Earth-shattering quarrel between two giants during their children's wedding. Many people believe that hot springs can help stimulate blood flow, cure skin disease, relieve joint pain and body ache. This site is developed as a modern complex of hot spring recreation in a Malay traditional village setting.




▼ Kompleks rekreasi mata air panas Kampung Ayer Hangat
▼ Hot spring recreation of Ayer Hangat Village complex



▼ Kolam mata air panas 'betina'
▼ A 'female' hot spring pool



▼ Pemandangan kawasan paya, sawah bendang, kerbau dan burung puchong dari kolam mata air panas
Views of swamps, paddy fields, buffaloes and egrets from the hot spring pools



▼ Pembentukan mata air panas Ayer Hangat
Formation of hot springs at Ayer Hangat



▼ Lanskap kolam mata air panas
Landscape of hot spring pool



▼ Kolam mata air panas 'jantan'
A 'male' hot spring pool



BOLEH
DO'S



JANGAN
DON'TS

